

Pamer rumah di muzium

Rumah Bujang Berselasar dari Terengganu dipindah ke Muzium Warisan Melayu

Oleh ZATUL IFFAH ZOLKIPLY
zatuliffah@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

Sebuah rumah tradisional di Terengganu dikenali Rumah Bujang Berselasar yang berusia lebih 150 tahun bakal menjadi tarikan terbaru di Muzium Warisan Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak lama lagi.

Pengarah Muzium Warisan Melayu UPM Dr Muhammad Pauzi Abd Latif berkata, Rumah Bujang Berselasar di Kampung Tanjung, di sini,

milik pembuat perahu dan tembaga Allahyarham Wan Muda Hassan dipilih berdasarkan ciri-ciri tradisional dan keunikan yang ada pada rumah itu.

Dr Muhammad Pauzi berkata, ia rumah tradisional ketiga selepas rumah tradisional pembesar Seri Menanti Negeri Sembilan dikenali sebagai Datuk Raja Diwangsa, Muhammad Yunus Jabar atau lebih dikenali sebagai Tok Tonso, dan Rumah Kutai Perak.

“Dua rumah tradisional sebelum ini mewakili zon Selatan dan Timur. Jadi, dengan adanya Rumah Bujang Berselasar, ia bakal melengkapkan lagi koleksi rumah tradisional di muzium itu.

“Ini sebahagian usaha kami untuk menyelamatkan rumah tradisional Melayu bagi memastikan ia terus terpelihara untuk tatapan generasi akan datang.

“Rumah tradisional Melayu dulu mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri pada seni binanya. Jadi, ia perlu dipelihara bukan saja untuk tatapan ge-


nerasi akan datang tetapi sebagai rujukan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan,” katanya yang ditemui selepas proses membuka dan pemindahan rumah Melayu Tradisional, di sini, semalam.

Hadir sama, Pensyarah Kanan Jabatan Seni Bina UPM Dr Mohamad Fakri Zakry Jaa'far dan cucu kepada arwah Wan Muda, Wan Ahmad Hassan Wan Abdullah.

Dr Muhammad Pauzi berkata, kerja-kerja membuka rumah berkenaan mengambil masa tiga hari bermula kelmarin sebelum ia dipindahkan ke UPM dan usaha memasang semula rumah itu dijangka mengambil masa tiga bulan.

Beliau berkata, antara ciri-ciri rumah tradisional lama Terengganu adalah ia diperbuat daripada kayu cengal, lantai mempunyai pasak dan mempunyai 12 tiang yang menjadikan ia unik serta istimewa.

“Selain menggunakan kayu berkualiti tinggi, ia mempunyai salur angin dan pa-



DR Muhammad Pauzi (kanan) menunjukkan kepada Wan Ahmad perbezaan bata yang digunakan di rumah berusia 150 tahun itu.

pan dinding yang mana ciri-ciri ini tidak ada pada kediaman masa kini,” katanya sambil memaklumkan, Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said turut menyokong usaha UPM memindahkan rumah berkenaan untuk tujuan pemeliharaan.

Sementara itu, Wan Ahmad Hassan terharu pihak UPM memilih rumah pusaka milik arwah datuknya se-

bagai koleksi terbaru.

“Inisiatif diambil pihak UPM sewajarnya menjadi contoh kerana ia memberi peluang kepada masyarakat, terutama generasi muda, untuk lebih mengenali dan mempelajari tradisi pembuatan dan kesenian rumah tradisional yang ada.

“Jika tiada usaha sebegini, rumah tradisional akan lenyap sebegitu saja,” katanya.